



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

ASRAMA, KILANG DAN TAPAK BINAAN CENTRAL MEDICARE, CHANGKAT JONG, PERAK (DAERAH HILIR PERAK)

KEMASKINI : 22 FEBRUARI 2021

Waktu Berkuat kuasa

24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk

Dibenarkan dengan bersyarat

Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan
- Mendapatkan rawatan kesihatan

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan

Penerangan Ringkas

Kawasan yang terlibat

Asrama, Kilang Dan Tapak Binaan Central Medicare, Changkat Jong Perak (Daerah Hilir Perak).

Tempoh Kuat kuasa

22 Februari 2021 (12.01 pagi) sehingga 7 Mac 2021 (11.59 malam).

Kawalan Pergerakan

- PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM, RELA & PBT.
- Laluan keluar masuk kawasan PKPD **DITUTUP dan DIKAWAL** kemasukan oleh PDRM.
- Semua Staf dan pekerja di dalam kawasan PKPD **TIDAK DIBENARKAN** keluar dari asrama/tempat tinggal masing-masing. Pergerakan keluar masuk ke dalam kawasan PKPD adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Pertimbangan boleh diberikan oleh pihak PDRM dan KKM berdasarkan *case to case basis*.
- Pergerakan keluar masuk untuk perkhidmatan perlu berkaitan pengoperasian kilang seperti bekalan bahan mentah, bekalan makanan bermasak, syarikat pengurusan sisa pepejal, syarikat pengurusan sisa klinikal dan lain-lain boleh dibenarkan dengan pertimbangan PDRM dan KKM.
- Pergerakan dalam/keluar-masuk kawasan PKPD bagi kes kecemasan seperti mendapatkan rawatan kesihatan dan kematian, **DIBENARKAN** setelah mendapatkan kebenaran daripada PDRM.
- Perkhidmatan penghantaran (*food panda & grab*) adalah tidak dibenarkan sepanjang tempoh PKPD.

Saluran Makanan dan keperluan

- Pemberian bantuan bekalan makanan akan diselaraskan secara bersama oleh Pengurusan Kilang Central Medicare dan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah Hilir Perak.
- Sumbangan keperluan makanan dari NGO, ADUN kawasan dan lain-lain akan diselaraskan oleh PKOB Daerah Hilir Perak.

Aktiviti Dalam Kawasan PKPD

- Aktiviti sosial, keagamaan di masjid/surau dan rumah ibadat bukan Islam, rekreasi dan budaya adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- Saringan secara bersasar kepada staf dan pekerja di dalam kawasan PKPD akan dilaksanakan oleh KKM.
- Lain-lain aktiviti yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan dalam kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM
- Pergerakan keluar/masuk ke kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM

Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan